

KERTAS MODEL SPM

Kertas 1

(Masa: 1 jam 15 minit)

[40 markah]

Skor

/100

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

1. Puan Aminah mengandaikan restoran yang baru dibukanya akan terus beroperasi bagi suatu jangka masa yang tidak terbatas.

Apakah andaian perakaunan yang terlibat?

- A Entiti berasingan
B Usaha berterusan
C Tempoh perakaunan
D Wang sebagai ukuran
2. Antara berikut, yang manakah belanja operasi?
I Angkutan keluar
II Kadar bayaran
III Faedah atas overdraf
IV Rugi atas pelupusan aset bukan semasa

- A I dan II C II dan IV
B I dan III D III dan IV

3. Kedai Runcit Ranjit membayar sewa RM1 000 dengan cek.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

- I Aset berkurang RM1 000
II Liabiliti berkurang RM1 000
III Ekuiti pemilik berkurang RM1 000
IV Ekuiti pemilik bertambah RM1 000
- A I dan II C II dan IV
B I dan III D III dan IV

4. Rajah 1 menunjukkan aliran dokumen yang berlaku dalam urus niaga kredit.



Rajah 1

Apakah X?

- A Invois C Pesanan Belian
B Nota Kredit D Baucer Pembayaran

5. Dokumen 1 diambil daripada Kedai Alat Sukan Worldwide.

INVOIS		No: 4001		
KEDAI ALAT SUKAN WORLDWIDE				
119 Jalan Simpang, Bukit Jalil, 43300 Selangor.				
Kelab Sukan Kolej Tinggi, 20 Jalan Setia, Kuala Lumpur. 27 Julai 20X8				
27 Julai 20X8				
Tuan,				
Sila sahkan bahawa barangan berikut telah diterima dalam keadaan baik:				
Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1	Raket badminton	5 unit	200.00	1 000.00
2	Raket Skuasy	2	350.00	700.00
				1 700.00
Tolak: Diskaun Niaga 20%				340.00
JUMLAH				1 360.00

(Ringgit Malaysia: Seribu tiga ratus enam puluh sahaja.)

Diskaun niaga: 20%
Serahan: *Angkutan dibayar*.
Syarat pembayaran: 5% 14 hari, 2% 30 hari.
K & K. Di K.

Terima kasih.

Kuldeep
.....
Pengurus

Bhooshan
.....
Penerima

Dokumen 1

Berapakah jumlah yang akan diterima oleh Kedai Alat Sukan Worldwide sekiranya pelanggannya membuat bayaran pada 5 Ogos 20X8?

- A RM970
B RM1 192
C RM1 230
D RM1 292



6. Dokumen 2 diperoleh daripada Perniagaan Rajeswari.

MEMO	
Perniagaan Rajeswari 33 Jln Stesen Kereta Api Batu Anam 81100 Johor Bahru.	
PERINGATAN	23 Ogos 20X8
Pemilik mengeluarkan cek RM2 000 untuk membayar Yuran Kemasukkan Universiti anaknya.	
<i>Helmi</i> Pengurus	

Dokumen 2

Catatan manakah yang betul dalam Jurnal Am?

Jurnal Am			
	Tarikh	Butir	Debit Kredit
	20X8		RM RM
A	Ogos 23	Yuran Universiti Akaun Bank	2 000 2 000
B	Ogos 23	Akaun Tunai Akaun Bank	2 000 2 000
C	Ogos 23	Akaun Ambilan Akaun Modal	2 000 2 000
D	Ogos 23	Akaun Ambilan Akaun Bank	2 000 2 000

7. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada perniagaan Siti.

Jurnal Am				
Tarikh	Butir	Diskaun	Debit	Kredit
20X8		RM	RM	RM
Mei 16	Kedai Yan	60		700

Antara berikut, pernyataan yang manakah dapat menerangkan catatan tersebut?

- I Perniagaan Siti menerima tunai RM700 daripada Kedai Yan
 - II Perniagaan Siti menerima cek bernilai RM700 daripada Kedai Yan
 - III Perniagaan Siti memberi diskaun tunai RM60 kepada Kedai Yan
 - IV Perniagaan Siti memberi diskaun niaga RM60 kepada Kedai Yan
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

8. Maklumat berikut menunjukkan contoh akaun bagi Akaun Nyata dan Akaun Nominal.

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
I	Akaun Jualan	Akaun Insurans
II	Akaun Belian	Akaun Premis
III	Akaun Perabot	Akaun Gaji
IV	Akaun Kelengkapan	Akaun Diskaun Diterima

Pilih padanan yang betul.

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

9. Urus niaga berikut diambil daripada buku Kedai Telefon Bimbit KS Lim.

Pemilik membeli sebuah rak pameran bernilai RM1 300 secara kredit daripada Perabot Lee.

Catatan manakah yang betul dalam lejar?

A

Akaun Perabot	
	RM
Belian	1 300

B

Akaun Belian	
	RM
Perabot	1 300

C

Akaun Perabot Lee	
	RM
Perabot	1 300

D

Akaun Perabot Lee	
	RM
Perabot	1 300



Kertas 2

(Masa: 2 jam 30 minit)

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

1. (a) Catatkan urus niaga berikut di dalam Jurnal Am (abaikan keterangan).

Pemilik perniagaan membawa masuk sebuah komputer bernilai RM3 540 untuk kegunaan pejabat.

[2 markah]

- (b) Nyatakan tujuan diskaun niaga dan diskaun tunai. [2 markah]
(c) Nyatakan pemilikan bagi jenis milikan perniagaan berikut:

Jenis Milikan	Pemilikan
Milikan Tunggal	
Syarikat Berhad	
Perkongsian	

[3 markah]

- (d) Nyatakan kesilapan yang telah berlaku bagi setiap situasi di bawah:
- (i) Komisen yang diterima RM200 telah didebitkan dalam Akaun Komisen dan dikreditkan dalam Akaun Bank.
 - (ii) Peniaga Bik telah membeli sebuah kabinet yang bernilai RM950 secara kredit dengan Syarikat Kelengkapan Soon tetapi urus niaga ini telah direkod sebagai RM590 dalam kedua-dua akaun.
 - (iii) Belian kelengkapan bernilai RM3 000 telah tersilap catat dalam Akaun Belian.

[3 markah]



2. Abdul Wahid, pemilik tunggal perniagaan Wah You Enterprise adalah pembekal alat ganti kereta. Berikut ialah Imbangan Duga yang disediakan pada 30 September 20X8.

Imbangan Duga pada 30 September 20X8

Butir	Debit RM	Kredit RM
Tanah dan Bangunan	65 000	
Alatan Pejabat (Kos)	32 900	
Kenderaan (Kos)	49 000	
Akaun Belum Terima	37 200	
Bank	6 953	
Ambilan	19 500	
Inventori pada 1 Oktober 20X7	27 950	
Belian dan Jualan	153 452	331 045
Pulangan	3 212	4 979
Angkutan Belian	560	
Hutang Lapuk	1 621	
Gaji dan Upah	88 985	
Belanja Am	50 860	
Insurans	5 000	
Faedah Pinjaman	1 755	
Alat-alat Kecil pada 1 Oktober 20X7	2 600	
Belian Alat-alat Kecil	650	
Peruntukan Hutang Ragu (1 Oktober 20X7)		650
Susut Nilai Berkumpul (1 Oktober 20X7)		
Alatan Pejabat		15 600
Kenderaan		19 890
Pinjaman Bank		20 800
Akaun Belum Bayar		25 538
Sewa Diterima		3 900
Komisen		12 493
Modal		112 303
	547 198	547 198

Maklumat tambahan:

- (i) Penilaian pada 30 September 20X8:

	RM
Inventori	29 900
Alat-alat kecil	2 340

- (ii) Belanja am belum bayar bernilai RM1 040. Sewa belum diterima pada 30 September 20X8 berjumlah RM1 300.
- (iii) Insurans yang dibayar termasuk insurans untuk bulan Oktober 20X8 sebanyak RM455.
- (iv) Syarikat telah menerima komisen untuk bulan Oktober dan November 20X8 sebanyak RM450.
- (v) Pinjaman diberikan oleh bank bermula pada 1 Januari 20X6 dengan kadar faedah 11% setahun.
- (vi) 20% daripada angkutan belian ialah angkutan jualan.
- (vii) Kadar susut nilai untuk aset bukan semasa:
- Tanah dan Bangunan: Tiada
 - Alatan Pejabat: 10% mengikut kaedah garis lurus
 - Kenderaan: 30% mengikut kaedah baki berkurangan
 - Alat-alat kecil: Penilaian semula
- (viii) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan pada kadar 2% atas jumlah bersih Akaun Belum Terima.